

TARIKH : 2 JUN 2022
AKHBAR : HAKAH
MUKA SURAT : 16

Lima daerah terpilih program Basmi Kemiskinan BMTKM

Lima daerah terpilih program Basmi Kemiskinan BMTKM

KUBANG PASU: Lima daerah membabitkan tujuh lokaliti di Kedah terpilih untuk program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM).

Exco Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Insan dan Pembasmian Kemiskinan, Dato' Siti Ashah Ghazali berkata, jumlah berkenaan melibatkan 108 keluarga miskin tegar di beberapa kampung di tujuh lokaliti terbabit.

Antaranya, dua kampung di Sik (Kampung Betong dan Tanjung Belit) dan dua di Baling (Charok Kapas dan Teluk Teduri).

Selain di Kuala Jerlun, Kubang Pasu, Kampung Tepi Laut di Kota Setar dan Kuala Muda.



Dato' Siti Ashah Ghazali bersama Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mustaffa Mohamed ketika melancarkan program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) di Kubang Pasu, 26 Mei lalu.

“Peserta dipilih melalui program E-Kasih dan dibimbing serta diberi peralatan bagi meningkatkan pendapatan untuk membolehkan mereka keluar dari

kelompok kategori miskin tegar,” ujar beliau di sini, Khamis lalu.

Katanya lagi, miskin tegar di bandar agak berbeza kerana dibantu dalam

program keusahawanan, sebaliknya di luar bandar golongan ini lebih kepada menjalankan aktiviti pertanian atau perikanan mengikut kesesuaian daerah terbabit.

BMTKM menasarkankan 180,009 keluarga di 80 lokaliti terpilih seluruh Malaysia pada perlaksanaannya untuk peringkat fasa satu.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed menegaskan BMTKM berbeza berbanding program lain kerana ia menjadi pelengkap kepada usaha membasmi kemiskinan ditambah tanpa mengira politik, agama dan bangsa.